



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
PROGRAM LANJUTAN SECARA SEPENUH MASA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Versi 2026**



## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

1.	TUJUAN	4
2.	PUNCA KUASA DAN PERATURAN	4
3.	TAFSIRAN	5
4.	PRINSIP-PRINSIP PEMBERIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)	7
5.	PELAKSANAAN PROGRAM LANJUTAN	9
6.	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	10
7.	TATACARA PERMOHONAN	12
8.	PROSES PENGAMBILAN DAN PENAWARAN	13
9.	ELAUN DAN KEMUDAHAN BIASISWA	15
10.	CUTI REHAT	19
11.	KENAIKAN PANGKAT	19
12.	FAEDAH PERSARAAN	19
13.	PEMERIKSAAN KESIHATAN	19
14.	IKATAN PERJANJIAN	20
15.	TEMPOH PENGAJIAN	20
16.	TAWARAN DAN YURAN PENGAJIAN CALON SWASTA	20
17.	PEMBATALAN TAWARAN	21
18.	PENANGGUHAN/ MENARIK DIRI/ MENOLAK TAWARAN	22
19.	BERTUGAS RASMI	23
20.	TANGGUNGJAWAB PEGAWAI SEMASA DALAM LATIHAN	23
21.	LAPOR DIRI UNTUK BERKHIDMAT	24
22.	PENALTI	24
23.	TATATERTIB	25
24.	HAK KERAJAAN	25
25.	URUS SETIA PROGRAM LANJUTAN	26

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN A: JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK</b>	<b>i</b>
<b>LAMPIRAN B: SYARAT-SYARAT KHAS PERMOHONAN PROGRAM LANJUTAN KKM</b>	<b>iii</b>
<b>LAMPIRAN C: JENIS-JENIS PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN DENGAN JAYA</b>	<b>xiii</b>

**DISEDIAKAN OLEH:**

**BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**DIKEMASKINI APRIL 2026**

## **1. TUJUAN**

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan dasar dan proses pelaksanaan Program Lanjutan bagi anggota paramedik dan auksiliari kesihatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM).

## **2. PUNCA KUASA DAN PERATURAN**

- 2.1. Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Surat Penurunan Kuasa bagi Pengurusan Cuti Belajar dan Biasiswa Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 18 Disember 2025 telah memutuskan penurunan kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KKPA kepada Ketua Setiausaha (KSU) KKM bagi meluluskan sebarang Cuti Belajar (CB) dan pengurusan biasiswa bagi semua pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kecuali pegawai dan kakitangan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama dan jawatan kader untuk semua program latihan bagi penetapan dasar untuk perkara-perkara berikut:

- 2.1.1. syarat minimum tempoh berkhidmat;
- 2.1.2. syarat umur permohonan mengikut peringkat pengajian;
- 2.1.3. nilai tuntutan ganti rugi;
- 2.1.4. tempoh ikatan berkhidmat;
- 2.1.5. tindakan penalti; dan
- 2.1.6. penguatkuasaan perjanjian.

- 2.2. Penurunan kuasa ini juga hendaklah mematuhi sepenuhnya dan dibaca bersama dasar mengenai kemudahan cuti belajar dan biasiswa yang berkuatkuasa.

- 2.3. Selaras dengan keputusan ini, pengurusan Program Lanjutan dikendalikan sepenuhnya oleh KKM bermula dari tarikh tersebut. Garis Panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan dan ketetapan dalaman KKM dalam

Pengurusan Cuti Belajar kepada anggota paramedik dan auksiliari yang ditawarkan mengikuti Program Lanjutan.

- 2.4. Dua (2) Jawatankuasa Pemilihan Calon telah ditubuhkan iaitu di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan di Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) Kementerian. Jawatankuasa di peringkat negeri dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri manakala di peringkat BPL dipengerusikan oleh Setiausaha BPL.

### 3. TAFSIRAN

- 3.1. Bagi tujuan Garis Panduan ini;

- 3.1.1. "**Cuti Belajar**" (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;

- 3.1.2. "**Kursus**" ertinya kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang khusus kepada program pengajian berbentuk akademik atau selain akademik termasuk kemahiran atau kepakaran atau latihan amali atau program sangkutan / *internship* atau apa-apa jenis kursus / latihan yang dipersetujui oleh Kerajaan untuk diikuti oleh pegawai di dalam atau di luar negara;

- 3.1.3. "**Kursus Jangka Sederhana**" ertinya kursus sepenuh masa yang tempohnya berturutan melebihi tiga bulan tetapi tidak melebihi 12 bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik;

- 3.1.4. **"Kursus Jangka Panjang"** ertinya kursus sepenuh masa yang tempohnya berturutan melebihi 12 bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik;
- 3.1.5. **"Cuti Belajar Bergaji Penuh"** (CBBP) ialah cuti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus yang mana dalam tempoh cuti belajar, pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan elaun-elaun tertentu yang pegawai itu berkecualan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa;
- 3.1.6. **"ganti rugi"** ertinya jumlah yang ditetapkan di dalam perjanjian yang perlu dibayar kepada Kerajaan oleh pegawai sekiranya pegawai melanggar mana-mana syarat cuti belajar atau terma dan syarat dalam perjanjian yang ditandatangani;
- 3.1.7. **"penalti"** ertinya tindakan yang dikenakan ke atas pegawai yang menerima kemudahan cuti belajar dengan biasiswa akibat daripada pelanggaran apa-apa syarat cuti belajar dalam surat tawaran dan/atau perjanjian;
- 3.1.8. **"pegawai"** ertinya pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik secara tetap dalam perkhidmatan awam Persekutuan atau mana-mana pegawai lain yang menerima biasiswa daripada Kerajaan Persekutuan;
- 3.1.9. **"Pihak Berkuasa Melulus"** ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk menjalankan tugas meluluskan permohonan cuti belajar dan biasiswa;
- 3.1.10. **"tempoh ikatan berkhidmat"** ertinya tempoh pegawai dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan, sama ada dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, setelah tamat tempoh cuti belajar dan

lapor diri bertugas sama ada tamat kursus dengan jayanya atau tidak;  
dan

3.1.11. **“Program Lanjutan”** merupakan tawaran latihan dalam perkhidmatan di peringkat Diploma Lanjutan dan Pos Basik bagi anggota paramedik dan auksiliari kesihatan. Latihan adalah terbuka kepada pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan Berkanun dan Swasta.

#### **4. PRINSIP-PRINSIP PEMBERIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)**

Prinsip-prinsip asas pemberian kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) pegawai KKM bagi mengikuti Program Lanjutan adalah seperti berikut:-

- 4.1. kuasa melulus kemudahan CBBP adalah di bawah tanggungjawab KSU KKM berdasarkan Surat Penurunan Kuasa bagi Pengurusan Cuti Belajar dan Biasiswa Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 18 Disember 2025.
- 4.2. cuti belajar diberikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya. Kelayakan yang diperolehi daripada kursus tidak menjamin pegawai dilantik atau dinaikkan pangkat ke suatu jawatan atau gred jawatan yang lebih tinggi;
- 4.3. pegawai telah melepasi tempoh menunggu (*grace period*) selama tiga (3) tahun dari tarikh tamat kursus jangka sederhana / kursus jangka panjang di dalam atau luar negara yang terdahulu dengan jayanya;
- 4.4. pegawai yang berada dalam tempoh cuti belajar dan dikenakan hukuman tatatertib atau disabitkan kesalahan oleh mahkamah boleh ditamatkan cuti belajar;
- 4.5. pegawai yang berada dalam tempoh cuti belajar dan dikenakan hukuman tatatertib atau disabitkan kesalahan oleh mahkamah boleh ditamatkan cuti belajar;
- 4.6. pegawai yang diluluskan kemudahan cuti belajar perlu menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan bertanggungjawab mematuhi terma dan

- syarat surat tawaran dan perjanjian. Kemudahan cuti belajar boleh ditamatkan sekiranya pegawai gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat di dalam surat tawaran dan perjanjian;
- 4.7. sepanjang tempoh cuti belajar, pegawai tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa tugas rasmi yang berkaitan dengan jawatan yang pernah dipegang/disandang oleh pegawai itu termasuklah menghadiri mesyuarat, bertugas di pejabat, memberi ceramah, menjadi panel temu duga atau apa-apa perkara lain yang melibatkan tugas rasmi pegawai;
  - 4.8. pegawai hendaklah melapor diri dan kembali bertugas setelah tamat tempoh cuti belajar (dengan biasiswa atau tanpa biasiswa) yang diluluskan. Pegawai yang menamatkan kursus lebih awal sebelum tamat tempoh cuti belajar tersebut diwajibkan untuk kembali melapor diri bertugas selepas melengkapkan kursus. Tindakan tata tertib boleh diambil sekiranya pegawai gagal untuk melapor diri bertugas dalam mana-mana keadaan yang berkenaan;
  - 4.9. pegawai yang diluluskan kemudahan cuti belajar masih merupakan pegawai awam yang tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa ke atasnya;
  - 4.10. Pegawai yang memohon hendaklah melalui proses pemilihan dalam Mesyuarat Pemilihan Calon bagi Program Lanjutan di peringkat BPL dan diperakukan oleh Ketua Pengarah Kesihatan;
  - 4.11. Pegawai yang berjaya ditawarkan sesuatu kursus adalah bergantung kepada syarat-syarat permohonan; sokongan penyelia, Ketua Jabatan dan JKN serta kapasiti ILKMM yang mengendalikan sesuatu program dari segi keupayaan tenaga pengajar, penempatan klinikal serta kapasiti penempatan;
  - 4.12. Pegawai yang pernah diluluskan cuti belajar tetapi **gagal kerana kelemahan akademik tidak layak diberi kemudahan cuti belajar dari kategori yang**

**sama.** Pegawai berkenaan hanya boleh dipertimbangkan kemudahan cuti belajar di bawah kategori yang lebih rendah daripada kategori cuti belajar yang telah diluluskan sebelumnya. Contohnya, pegawai yang pernah diluluskan CBBP dengan Biasiswa tetapi gagal disebabkan oleh kelemahan akademik hanya layak dipertimbangkan CBTG tanpa Biasiswa setelah atau dalam tempoh menyelesaikan hutang (tuntutan penalti / ganti rugi); dan

- 4.13. prinsip-prinsip Cuti Belajar seperti mana yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR 5.1.8 atau dasar/pekeliling yang berkuatkuasa.

## **5. PELAKSANAAN PROGRAM LANJUTAN**

- 5.1. Pengambilan pelatih baharu Program Lanjutan dilaksanakan sebanyak dua **(2) kali setahun** iaitu pada sesi **Mac** dan **September**.
- 5.2. Tawaran Program Lanjutan dilaksanakan melalui surat edaran kepada JKN, Pengarah Hospital, Institut Latihan, Ketua-Ketua Perkhidmatan/Bidang serta secara dalam talian di portal BPL (<http://latihan.moh.gov.my>), Sistem Permohonan Program Lanjutan (<http://eldp.moh.gov.my>), *Postmaster* KKM serta saluran media sosial KKM.
- 5.3. Proses permohonan dan setiap proses sokongan serta perakuan calon Program Lanjutan adalah dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian melalui Sistem e-LDP. Pemohon dikehendaki mendaftar akaun pengguna bagi semua transaksi permohonan secara dalam talian.
- 5.4. Saringan awal pegawai yang diperakukan JKN/ Ketua Jabatan dilaksanakan secara automatik dalam sistem e-LDP berdasarkan syarat-syarat am dan khas Program Lanjutan. Tawaran akan dikemukakan kepada pegawai-pegawai yang berjaya melalui sistem e-LDP. Pegawai dikehendaki mencetak surat tawaran untuk tindakan Ketua Jabatan masing-masing.

## 6. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pegawai yang ingin memohon Program Lanjutan adalah tertakluk kepada syarat-syarat am dan khas yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

### 6.1. Syarat-syarat Am;-

- 6.1.1. Berumur tidak melebihi **50 tahun** pada **tarikh tutup tawaran**;
- 6.1.2. Berkhidmat **secara TETAP** atau **<sup>a</sup>KONTRAK**;
- 6.1.3. Pegawai telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** bagi lantikan tetap pada tarikh tutup permohonan;
- 6.1.4. Bagi calon **Kerajaan & Badan Berkanun**, pegawai perlu mencapai **purata markah Penilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas** bagi tempoh **TIGA (3) tahun** dalam **skim perkhidmatan terkini secara BERTURUT-TURUT (2023, 2024, 2025)** termasuk penilaian semasa dalam **tempoh lantikan kontrak**. **Penilaian Prestasi Tahunan** hendaklah **GENAP 12 BULAN**;
- 6.1.5. Bagi pegawai **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**, pegawai perlu **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** dan mencapai **purata Penilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas** bagi tempoh **TIGA (3) tahun** dalam **skim perkhidmatan terkini secara BERTURUT-TURUT (2023, 2024, 2025)**. **Penilaian Prestasi Tahunan** hendaklah **GENAP 12 BULAN**;

---

<sup>a</sup>Kelayakan bagi pegawai KKM lantikan kontrak adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

- 6.1.6. Bagi pegawai **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)** yang memohon **Diploma Lanjutan Kebidanan**, pegawai perlu **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** dan mencapai **purata Penilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas** bagi tempoh **DUA (2) tahun dalam skim perkhidmatan terkini secara BERTURUT-TURUT (2024, 2025)**. **Penilaian Prestasi Tahunan hendaklah GENAP 12 BULAN;**
- 6.1.7. **Pegawai bersih/bebas daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah;**
- 6.1.8. **Diperakukan oleh Ketua Jabatan;**
- 6.1.9. **Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (termasuk ujian Hepatitis B, Hepatitis C & HIV/AIDS dan U.P.T) selepas pegawai terpilih untuk mengikuti Program Lanjutan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri dan latihan ditamatkan;**
- 6.1.10. **Pegawai bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (unfit to practice) dari segi fizikal dan mental seperti di Lampiran A;**
- 6.1.11. **Pegawai Kerajaan yang menarik diri dari mengikuti latihan setelah menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia akan dikenakan penalti dan tidak layak memohon selagi ikatan kontrak dengan Kerajaan masih berjalan seperti dijelaskan dalam **Perkara 18**;**
- 6.1.12. **Pegawai yang menolak tawaran kursus bagi sesi sebelum ini tanpa alasan yang munasabah adalah tidak layak memohon dalam tempoh dua (2) tahun terakhir;**
- 6.1.13. **Pegawai yang sedang mengikuti mana-mana Program Lanjutan adalah tidak layak memohon;**

- 6.1.14. **Pegawai wanita hamil tidak layak untuk memohon. Pegawai juga tidak dibenarkan hamil sepanjang tempoh pengajian;**
- 6.1.15. **Memiliki Sijil Amalan Profesional yang masih sah** (sekiranya berkenaan);
- 6.1.16. **telah melepasi tempoh menunggu (*grace period*) selama 3 tahun dari tamat kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang di dalam atau luar negara yang terdahulu dengan jayanya;**
- 6.1.17. **Pegawai yang telah mengemukakan permohonan pertukaran/ dalam proses pertukaran tempat bertugas tidak layak dipertimbangkan untuk mengikuti Program Lanjutan; dan**
- 6.1.18. **Pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang ingin memohon Program Lanjutan perlu mendapat kelulusan khas dan mengemukakan surat sokongan Ketua Bidang/Ketua Jabatan kepada Bahagian Pengurusan Latihan.**

## 6.2. **Syarat-Syarat Khas;-**

Syarat-syarat Khas penawaran Program Lanjutan adalah berdasarkan keperluan dan penetapan kurikulum bagi setiap program seperti di **LAMPIRAN B.**

## 7. **TATACARA PERMOHONAN**

- 7.1. Permohonan adalah secara dalam talian sepenuhnya menerusi Sistem Permohonan Program Lanjutan (**eldp.moh.gov.my**). Pegawai hendaklah membaca dan memahami setiap arahan yang dinyatakan dalam **Panduan Pengguna** serta mengisi butiran dengan lengkap dan memuat naik dokumen yang diperlukan sahaja.

- 7.2. Permohonan perlu disokong oleh penyelia dan Ketua Jabatan **secara dalam talian**. Adalah menjadi **tanggungjawab pegawai** untuk memaklumkan kepada penyelia dan Ketua Jabatan masing-masing bagi memastikan permohonan telah diambil tindakan. Bagi pegawai Kementerian Kesihatan, permohonan perlulah mendapat perakuan JKN.
- 7.3. Pengakuan pegawai adalah pernyataan yang diambil kira dalam permohonan ini. KKM berhak **membatalkan permohonan sekiranya terbukti maklumat yang diberikan adalah palsu atau berbentuk penipuan**.

## **8. PROSES PENGAMBILAN DAN PENAWARAN**

### **8.1. Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)**

Tapisan pertama permohonan pegawai KKM dilaksanakan oleh JKN seperti berikut:

- 8.1.1. Mengedarkan iklan tawaran Program Lanjutan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti Hospital, Klinik Kesihatan, Institusi dan Pejabat Kesihatan Daerah / Kawasan.
- 8.1.2. Menerima permohonan pegawai **secara dalam talian** dan memproses permohonan **selaras dengan syarat-syarat am dan khas program**.
- 8.1.3. Memilih calon berdasarkan kesesuaian pegawai dalam sesuatu bidang selaras dengan **keperluan perkhidmatan** dan fasiliti KKM.
- 8.1.4. Senarai pegawai yang telah diperakukan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri/Agensi hendaklah **disahkan dalam talian** dan dikemukakan dalam sistem oleh Pentadbir Sistem JKN **mengikut tarikh yang telah ditetapkan**.

- 8.1.5. Memastikan pegawai-pegawai yang diperakukan **bersih/bebas daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah.**
- 8.1.6. Memastikan pegawai-pegawai yang diperakukan adalah **berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat am dan khas program. Pengesahan syarat-syarat khas perlu dilaksanakan dalam Sistem e-LDP semasa proses perakuan.**
- 8.1.7. **Memastikan calon yang diperaku tidak mengemukakan permohonan pertukaran/dalam proses pertukaran tempat bertugas.**
- 8.1.8. **Memastikan pegawai yang telah tamat Program Lanjutan bertugas di jabatan/unit yang diperlukan selaras dengan perancangan semasa permohonan.**

## 8.2. **Jawatankuasa Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia**

Tapisan kedua permohonan calon kursus ini dilaksanakan oleh BPL, KKM seperti berikut:

- 8.2.1. Melaksanakan saringan **awal** permohonan **secara dalam talian** (sistem e-LDP) berdasarkan syarat-syarat am dan khas;
- 8.2.2. Melaksanakan saringan permohonan calon secara dalam talian (sistem e-LDP) berdasarkan **perakuan Penyelia, Ketua Jabatan dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi pegawai KKM dan sokongan Penyelia dan Ketua Jabatan bagi pegawai Badan Berkanun dan Swasta;**
- 8.2.3. Senarai calon yang memenuhi syarat-syarat permohonan dan diperakukan oleh JKN/ Ketua Jabatan akan dibentangkan dalam **Jawatankuasa Pemilihan Calon Program Lanjutan KKM;**

- 8.2.4. Kriteria-kriteria bagi menentukan bilangan calon yang layak adalah seperti berikut:
- a) Kapasiti kolej berpandukan TNA (*Training Needs Analysis*);
  - b) Tenaga pengajar yang berkemahiran dalam bidang tersebut;
  - c) Nisbah pengajar kepada pelatih; dan
  - d) Kuota calon Kerajaan, Badan Berkanun dan Swasta. Keutamaan akan diberikan kepada pegawai-pegawai dari KKM.
- 8.2.5. Senarai calon yang telah melepasi saringan dan diperakukan layak oleh **Jawatankuasa Pemilihan Calon Program Lanjutan KKM akan dikemukakan kepada Ketua Profesion untuk pemilihan akhir calon berjaya;**
- 8.2.6. Mendapatkan kelulusan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) daripada KSU KKM bagi pegawai-pegawai KKM yang berjaya; dan
- 8.2.7. Memuat naik tawaran kepada calon yang berjaya dalam Sistem e-LDP bagi proses penerimaan secara dalam talian.
- 8.3. **KKM berhak menentukan penempatan bagi pegawai yang mengikuti latihan di mana-mana ILKKM yang melaksanakan program-program yang ditawarkan bagi setiap pengambilan. PERTUKARAN TEMPAT LATIHAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

## **9. ELAUN DAN KEMUDAHAN**

- 9.1. Pembayaran elaun dan kemudahan bagi pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh bagi mengikuti Program Lanjutan di ILKKM adalah berpandukan kepada **PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam** dan mana-mana pekeliling yang sedang berkuat kuasa.
- 9.2. Pembayaran gaji dan elaun **pegawai KKM** yang mengikuti Program Lanjutan di ILKKM dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-

masing kecuali bagi **Elaun Sara Hidup (ESH)** akan dibayar oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM di bawah peruntukan Belanja Mengurus.

9.3. Pegawai layak dipertimbangkan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) sebenar sepanjang tempoh cuti belajar berdasarkan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009**.

9.4. Pegawai adalah layak untuk menerima bayaran elaun dan kemudahan di sepanjang tempoh penajaan dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

#### 9.4.1. **Elaun Sara Hidup**

Berdasarkan ketetapan Kementerian Kewangan menerusi surat kelulusan rujukan KK/BP10/687/698/656/4 JLD.4 (sk. 2/2006) (5) bertarikh 12 Oktober 2006 dan mana-mana pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

### **I. Di Luar Kawasan Ibu Pejabat**

i. Semua peserta Program Lanjutan dibayar Elaun Sara Hidup semasa latihan Teori dan Amali iaitu sebanyak **RM 25.00 sehari** sepanjang tempoh teori dan amali bagi kursus di luar Ibu Pejabat asal, jika tidak disediakan tempat penginapan dan makan / minum dan tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- a) Pegawai tidak menerima Arahan Pertukaran; dan
- b) Kemudahan makan dan penginapan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur.

ii. Sekiranya salah satu kemudahan sahaja disediakan, **maka elaun yang tidak disediakan itu layak dituntut mengikut pecahan unsur elaun iaitu 50% untuk penginapan dan 50% untuk makan**. Jika sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, maka pegawai layak untuk menuntut bahagian makanan yang tidak disediakan itu mengikut kadar berdasarkan

surat kelulusan rujukan KK/BP10/687/698/656/4 JLD.4 (sk. 2/2006) (5).

## II. Di Dalam Kawasan Ibu Pejabat

- i. Elaun Sara Hidup sebanyak **RM15 sehari** bagi sepanjang tempoh kursus tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut.
  - (a) Pegawai yang berkursus di dalam kawasan Ibu Pejabat; atau
  - (b) Pegawai dari luar kawasan Ibu Pejabat yang menerima Arahan Pertukaran; dan
  - (c) Kemudahan makan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan
  - (d) Kursus itu diadakan di luar bangunan/kompleks tempat biasa pegawai bertugas.

### 9.4.2. Imbuan Tetap Perumahan (ITP)

Pegawai layak dibayar ITP berdasarkan berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2024** pada kadar penuh atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau lebih daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya (sekiranya tidak diperuntukkan kuarters) atau pada kadar 25% daripada kelayakan pegawai atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau melebihi kadar 25% daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya (sekiranya diperuntukkan kuarters).

### 9.4.3. Bayaran Imbuan Perumahan Wilayah (BIPW)

Tidak layak dibayar kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi tempoh tiga (3) bulan berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2024**.

### 9.4.4. Bayaran Imbuan Sara Hidup (BISH)

Pegawai layak dibayar BISH berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2024**. Pegawai yang diluluskan Cuti

Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut **lokasi institusi pengajian**. Bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang di Sabah, Sarawak atau Labuan, kadar BISH adalah mengikut Kawasan A.

9.4.5. **Bayaran Insentif Wilayah (BIW)**

Tidak layak dibayar kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi tempoh tiga (3) bulan, berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2009. BIW akan digantikan dengan BISH, mengikut kadar berdasarkan lokasi institusi pengajian.

9.4.6. **Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)**

Jururawat serta Pembantu Perubatan yang mengikuti Pos Basik yang dikendalikan oleh KKM layak menerima BIPK sepanjang tempoh kursus mengikut peraturan dan kadar seperti dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2024** dan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa.

9.4.7. **Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam**

Pegawai layak untuk menuntut bayaran perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian **sekali** sahaja. Bayaran adalah di bawah tanggungjawab PTJ masing-masing.

9.4.8. **Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal**

Tidak layak diterima oleh pegawai sepanjang tempoh pengajian.

9.4.9. **Elaun Pemangkuan**

Tidak layak dibayar kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 92 hari berturut-turut berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009.

#### 9.4.10. **Elaun / Imbuhan Lain**

Pegawai yang diluluskan CBBP layak menerima imbuhan/elaun lain dengan kadar penuh daripada jumlah yang berkelayakan.

### **10. CUTI REHAT**

10.1. Bagi pegawai yang mengikuti pengajian di dalam dan luar negara genap atau kurang daripada 12 bulan, baki cuti rehat semasa boleh dibawa ke tahun hadapan.

10.2. **Pegawai layak menerima cuti akademik sebanyak mana yang ditetapkan oleh Institut Latihan.** Tempoh cuti akademik pegawai KKM yang diluluskan CBBP bagi tempoh 12 bulan atau kurang perlu ditolak dari jumlah Cuti Rehat yang pegawai berkelayakan sebelum bercuti (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009).

### **11. KENAIKAN PANGKAT**

Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan berdasarkan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2009**.

### **12. FAEDAH PERSARAAN**

Tempoh CBBP boleh dimasukkan kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan seperti mana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen yang berkuat kuasa.

### **13. PEMERIKSAAN KESIHATAN**

Pegawai dikehendaki untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan sebelum memulakan latihan dengan menggunakan **Borang Pemeriksaan Kesihatan Bagi Calon Pelatih Yang Mengikuti Latihan di Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia**. Segala kos yang berkaitan dengan pemeriksaan kesihatan,

sama ada di hospital/ klinik kerajaan/ swasta atau panel doktor yang ditetapkan adalah di bawah tanggungjawab pegawai. **Pegawai hendaklah bebas daripada sebarang penyakit kronik. KKM berhak menarik balik tawaran CBBP sekiranya pegawai disahkan menghidap penyakit kronik yang disenaraikan di Lampiran A.**

#### 14. IKATAN PERJANJIAN

14.1. Pegawai-pegawai KKM yang mendapat tawaran perlu menandatangani kontrak perjanjian dengan Kerajaan dan pegawai di kehendaki berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan berdasarkan tempoh ikatan kontrak perjanjian pegawai dengan kerajaan iaitu selama **tiga (3) tahun** atau denda **RM25,000** jika melanggar syarat-syarat perjanjian.

14.2. Bagi pegawai yang menarik diri dari latihan setelah menandatangani Borang Perjanjian, Kontrak perjanjian dengan Kerajaan Malaysia masih berkuat kuasa iaitu **tiga (3) tahun** dari tarikh tamat menjalani kursus tersebut.

#### 15. TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian bagi Program Lanjutan adalah bergantung kepada program-program yang ditawarkan serta tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Kategori program yang ditawarkan adalah seperti Jadual berikut:

Jadual 12.1 Tempoh Pengajian Program Lanjutan di ILKKM

BIL	PROGRAM	TEMPOH
1.	Diploma Lanjutan	12 bulan
2.	Pos Basik a) Program 6 Bulan b) Program 12 Bulan	6 bulan 12 bulan

#### 16. TAWARAN DAN YURAN PENGAJIAN CALON SWASTA

16.1. Tawaran kepada calon swasta dibuka kepada anggota paramedik dan auxiliari dari institusi/fasiliti kesihatan yang berdaftar.

16.2. Kadar bayaran yuran pengajian semasa bagi **pegawai dari institusi / fasiliti swasta** adalah seperti Jadual:

Jadual 16.1 Yuran Pengajian Program Lanjutan KKM

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>YURAN (RM)</b>
1.	Diploma Lanjutan	4,600.00
2.	Pos Basik	
	a) Program 6 Bulan	3,500.00
	b) Program 12 Bulan	4,600.00

16.3. Kaedah pembayaran yuran adalah -

16.3.1. Pembayaran perlu dibuat secara dalam talian melalui kaedah **JomPAY** dan emelkan salinan resit bayaran sebagai bukti bayaran ke alamat *kursuslanjutan@moh.gov.my*.

16.3.2. Yuran yang telah dibayar **tidak akan dikembalikan** jika calon/pelatih menarik diri atau gagal menamatkan latihan. Tawaran latihan akan **terbatal** sekiranya bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

## **17. PEMBATALAN TAWARAN**

17.1. Tawaran bagi mengikuti Program Lanjutan di ILKKM adalah **TERBATAL** dengan sendirinya dan akan **ditamatkan latihan** sekiranya pegawai/pelatih:

17.1.1. **Gagal** melapor diri pada **tarikh dan tempat yang telah ditetapkan**;

17.1.2. Anggota perkhidmatan Kerajaan yang dibuang/ditamatkan kerja;

17.1.3. **Tidak lulus pemeriksaan perubatan bagi** ujian Hepatitis B, Hepatitis C, HIV/AIDS dan U.P.T **serta penyakit-penyakit kronik** seperti di Lampiran A;

17.1.4. **Tidak menepati syarat-syarat am dan khas program** seperti mana yang diiklan/ditawarkan;

17.1.5. Didapati **hamil** semasa melapor diri atau sepanjang tempoh pengajian; dan

17.1.6. Memberikan **maklumat palsu** untuk mendapatkan tempat latihan.

17.2. **Kerajaan berhak meminda apa-apa peraturan dan syarat yang ditetapkan dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Kerajaan berhak menarik balik tawaran tanpa memberikan sebarang sebab.**

## **18. PENANGGUHAN/ MENARIK DIRI/ MENOLAK TAWARAN**

18.1. **Penangguhan sebelum dan semasa dalam latihan adalah TIDAK DIBENARKAN.**

18.2. Penangguhan hanya akan **DIPERTIMBANGKAN** jika terdapat alasan yang **munasabah dan kritikal** sahaja dan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tatakelakuan Pelatih (JPTP) BPL, KKM. Sebarang rayuan permohonan penangguhan tidak akan diproses setelah keputusan permohonan dimuktamadkan. Kelulusan adalah tertakluk kepada dasar semasa yang sedang berkuat kuasa.

18.3. Dalam tempoh penangguhan, pegawai akan ditempatkan sementara di fasiliti KKM. Semasa dalam tempoh penangguhan latihan, kelayakan cuti pegawai adalah mengikut kemudahan cuti di bawah Perintah Am Bab C. Sepanjang tempoh penangguhan yang disebabkan oleh cuti sakit atau sebab-sebab yang diputuskan oleh JPTP, bayaran elaun/ kemudahan semasa CBBP akan ditangguhkan.

18.4. Pegawai yang berhasrat untuk menolak tawaran/menarik diri adalah tertakluk kepada ketetapan berikut:

- 18.4.1. Pegawai yang menolak tawaran sebelum mengikuti latihan dikehendaki mengemukakan **Surat Penolakan Tawaran dan Surat Sokongan Ketua Jabatan masing-masing bersama Surat Tawaran Sementara kepada Bahagian Pengurusan Latihan, KKM.**
- 18.4.2. Pegawai yang **menarik diri** daripada mengikuti latihan setelah kursus bermula dikehendaki mengemukakan **Surat Penarikan Diri melalui Pengarah Institut Latihan untuk kelulusan Bahagian Pengurusan Latihan, KKM.**
- 18.4.3. Sebarang permohonan untuk menarik diri atau menolak tawaran perlu **mendapat kelulusan BPL.**
- 18.4.4. Pegawai yang telah diluluskan penarikan diri dari latihan adalah **TIDAK LAYAK** untuk mengikuti Program Lanjutan selama **dua (2) tahun dari tarikh kelulusan menarik diri.**

## **19. BERTUGAS RASMI**

Pegawai **TIDAK DIBENARKAN** untuk menjalankan tugas rasmi di sepanjang tempoh latihan seperti menghadiri mesyuarat, datang bertugas di pejabat, memberikan ceramah atau menjadi panel temu duga dan sebagainya. Kegagalan pegawai mematuhi peraturan ini akan menyebabkan pegawai dikenakan tindakan yang sewajarnya.

## **20. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI SEMASA DALAM LATIHAN**

- 20.1. Memastikan **kelulusan cuti belajar** seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan direkodkan di dalam **Buku Rekod Perkhidmatan.**
- 20.2. Menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus yang diikuti.
- 20.3. **Menduduki semua peperiksaan yang dijadualkan.**

- 20.4. Pegawai yang berhasrat untuk bercuti ke luar negara bagi urusan persendirian dikehendaki mendapatkan **kebenaran bertulis daripada penyelia (akademik) di Institusi Latihan.**

## **21. LAPOR DIRI UNTUK BERKHIDMAT**

Pegawai wajib melapor diri ke Jabatan masing-masing berdasarkan situasi-situasi seperti berikut:

- 21.1. **Setelah tamat minggu peperiksaan akhir dan cuti semester** (merujuk kepada semester terakhir untuk menamatkan pengajian) seperti yang ditetapkan dalam program latihan; atau
- 21.2. Setelah **tamat tempoh Cuti Belajar**, sama ada dengan jaya atau tidak; atau
- 21.3. Setelah tamat pengajian atau tamat tempoh Cuti Belajar mana yang terdahulu; atau
- 21.4. **Gagal atau ditamatkan pengajian**; atau
- 21.5. **Menarik diri dari pengajian.**

## **22. PENALTI**

- 22.1. Pegawai-pegawai yang berhenti berkhidmat dengan Kerajaan atau melanggar syarat-syarat perjanjian dalam tempoh ikatan kontrak dikehendaki membayar penalti sebanyak **RM25,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu).**
- 22.2. Pegawai yang menarik diri daripada pengajian, ditamatkan atas masalah disiplin atau gagal menamatkan pengajian dengan jaya dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan tindakan penalti tertakluk kepada syarat-syarat penalti yang sedang berkuatkuasa berdasarkan **PPSM Ceraian SR.5.1.8**

**Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan ‘Tindakan Penalti kepada Penerima Kemudahan Cuti Belajar dengan Biasiswa’ oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Garis Panduan Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam Perkhidmatan dan Penerima Kemudahan Cuti Belajar yang Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian** yang dikeluarkan oleh KKM seperti di **LAMPIRAN C**.

22.3. Pengecualian penalti diberi kepada pegawai yang mempunyai masalah kesihatan iaitu penyakit kronik seperti di **LAMPIRAN A**.

22.4. Tindakan penalti ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat penalti yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

### **23. TATATERTIB**

23.1. Semasa latihan, pegawai perlu menjaga tatakelakuan sebagai penjawat awam. Jika didapati pegawai terlibat dalam sesuatu kegiatan atau mengeluarkan kenyataan atau penerbitan yang tidak bertanggungjawab, termasuk tidak mematuhi syarat-syarat Cuti Belajar ini, maka kelulusan Cuti Belajar akan ditarik balik dan tindakan tatatertib boleh dikenakan di bawah **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**.

23.2. **Semua pegawai yang ditawarkan latihan adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pelatih Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) 2016.**

### **24. HAK KERAJAAN**

Kerajaan berhak meminda syarat-syarat Cuti Belajar ini dari semasa ke semasa dan pegawai awam adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Kerajaan juga berhak menarik balik kelulusan Cuti Belajar tanpa memberi sebarang notis.

## **25. URUS SETIA PROGRAM**

Bagi pertanyaan lanjut berkaitan penawaran Program Lanjutan, pegawai dinasihatkan untuk menghubungi urus setia program di alamat dan talian berikut:-

**Bahagian Pengurusan Latihan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Menara Prisma  
No. 26, Pesiaran Perdana Presint 3  
62675 PUTRAJAYA  
Tel :03-8885 0600  
Emel: kursuslanjutan@moh.gov.my**

**SENARAI PENYAKIT KRONIK**

(Berdasarkan senarai dalam PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan)

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. Pulmonary Hypertension;
- d. Sakit buah pinggang yang kronik;
- e. Sakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. Fulminant Viral Hepatitis;
- g. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit *Parkinson*;
- l. Penyakit HIV dan AIDS;
- m. Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- n. *Chronic Skin Disease: Psoriasis, Pemphigus, Steven-Johnson Syndrome*;
- o. Mental Illness: Bipolar Disorders, Schizophrenia, Major Depression;
- p. *Endocrine Disease: Diabetes Mellitus With Complications*;
- q. Rheumatology: Rheumatoid Arthritis, *Systemic Lupus Erythematosus (SLE)*, *Scleroderma*, *Mixed Connective Tissue Disorder*, *Ankylosing Spondylitis*, *Chronic Topacus Gout*;
- r. Talasemia Major;
- s. Major Organ Transplant;

- t. Kecelakaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh pakar perubatan Kerajaan dan / atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- u. Penyakit lain yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan / atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT KHAS PERMOHONAN PROGRAM LANJUTAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
<b>DIPLOMA LANJUTAN</b>						
1.	Kebidanan	√	√	Memiliki Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu (PSI) yang menggunakan modul latihan: <i>Breastfeeding Promotion and Support: A Training Course for Health Professionals</i> , MOH, 2009 termasuk 3 jam latihan amali, seperti berikut: i. Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu mestilah mulai dari tahun 2009; dan ii. Minimum 20 jam kursus termasuk 3 jam latihan amali; Modul latihan bagi kursus PSI 13@18 jam adalah <b>tidak setaraf</b> dengan kursus 20 jam.	Jururawat	12
2.	Pengimejan Perubatan (Pengimejan Payudara)		√	Hanya Juru X-Ray (Diagnostik) wanita yang mempunyai pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam Mamografi dan pengalaman bertugas sebagai Juru X-Ray selama lima (5) tahun.	Juru X-Ray (Diagnostik)	12
3.	Histopatologi		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Histopatologi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.	Juruteknologi Makmal Perubatan	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
4.	Hematologi		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Hematologi sekurang-kurangnya satu (1) tahun.	Juruteknologi Makmal Perubatan	12
5.	Sitologi		√	a) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Sitologi sekurang-kurangnya satu (1) tahun; atau b) Menyaring <b>1,000 slaid</b> ginekologi.	Juruteknologi Makmal Perubatan	12
6.	Transfusi Darah		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Transfusi Darah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.	Juruteknologi Makmal Perubatan	12
7.	Mikrobiologi Perubatan		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Mikrobiologi sekurang-kurangnya satu (1) tahun.	Juruteknologi Makmal Perubatan/ Penolong Pegawai Sains	12
8.	Penjagaan Paliatif	√		Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam perkhidmatan penjagaan Paliatif	Jururawat / Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) / Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	12
9.	Perawatan Onkologi		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Onkologi.	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
10.	Penjagaan Kesihatan Kardiovaskular		√	a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan kesihatan kardiovaskular; dan b) Memiliki Sijil <i>Basic Life Support</i> yang masih sah.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan / Juru X-Ray	12
11.	Perawatan Perioperatif		√	a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di dewan bedah am/sub kepakaran; atau b) Tiga (3) bulan sangkutan ( <i>attachment</i> ) dewan bedah am/sub kepakaran.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
12.	Perawatan Gerontologi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang penjagaan Geriatrik.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
13.	Kejururawatan Penjagaan Rapi		√	a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di unit rawatan rapi; b) Mempunyai Diploma Kejururawatan; c) Memiliki Sijil Amalan Tahunan (APC) yang masih sah seperti yang ditetapkan oleh profesion; dan d) Memiliki sijil yang masih sah untuk <i>Basic Life Support</i> serta salah satu daripada sijil kursus <i>Advanced Life Support</i> (ALS) atau <i>Malaysian Paediatric Life Support</i> (MPLS).	Jururawat	12
14.	Pengurusan Penjagaan Kesihatan		√	Pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam pengurusan di unit/jabatan.	Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
					Farmasi, Juruterapi Pergigian dan anggota ASKB.	
15.	Perawatan Kesihatan Mental	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam perawatan Kesihatan Mental.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
16.	Penjagaan Kecemasan	√	√	a) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam Penjagaan Kecemasan; dan b) Memiliki Sijil <i>Basic Life Support</i> yang masih sah.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
17.	Perawatan Pediatrik		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di Wad Pediatrik/Klinik Pediatrik/Pusat Rawatan Harian Pediatrik/ <i>Paediatric High Dependency Unit/Paediatric ICU</i>	Jururawat	12
18.	Penjagaan Respiratori		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Respiratori.	Penolong Pegawai Perubatan/Jururawat	12
19.	Penjagaan Diabetes	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam pengurusan penjagaan Diabetes.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
20.	Penjagaan Neurosains		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dalam penjagaan Neurosains.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
21.	Rehabilitasi Neuro		√	a) Mempunyai Diploma Fisioterapi atau Diploma Terapi Cara Kerja; dan	Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) /	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
				b) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun.	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	
22.	Tomografi Berkomputer		√	a) Pengalaman sekurang-kurangnya enam (6) bulan di bidang Tomografi Berkomputer dalam tempoh tiga (3) tahun terkini perkhidmatan; dan b) Calon Juru X-Ray (Terapi) perlu memenuhi prasyarat Buku Rekod Radioterapi sebelum mengikuti kursus ini.	Juru X-Ray	12
23.	Epidemiologi Gunaan dan Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit)		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang berkaitan dengan kawalan penyakit.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	12
24.	Pencegahan dan Kawalan Infeksi		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam Pencegahan dan Kawalan Infeksi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
25.	Penjagaan Ortopedik	√		Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Ortopedik.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
26.	Penjagaan Otorinolaringologi	√		Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Otorinolaringologi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
27.	Pengimejan Kecemasan dan Trauma	√		Pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam Pengimejan Kecemasan dan Trauma dalam tempoh tiga (3) tahun terkini perkhidmatan.	Juru X-Ray (Diagnostik)	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
28.	Penjagaan Kesihatan Primer	√		Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Kesihatan Primer.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
29.	Anestesia	√		a) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dengan enam (6) bulan pengalaman dalam bidang berkaitan kepakaran Anestesia. b) Memiliki Sijil <i>Basic Life Support</i> yang masih sah.	Penolong Pegawai Perubatan	12
30.	Perawatan Neonatal		√	a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam perawatan Neonatal; dan b) Memiliki Sijil Amalan Tahunan (APC).	Jururawat	12
31.	Perubatan Nuklear	√		a) Terbuka kepada Penolong Pegawai Perubatan/ Juru X-ray/ Juruteknologi Makmal Perubatan yang mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan atau yang sedang bertugas di unit berkaitan perubatan nuklear..	Penolong Pegawai Perubatan / Juru X-ray / Juru Teknologi Makmal Perubatan	12
32.	Terapi Senaman	√		a) Mempunyai Diploma Fisioterapi atau Ijazah Fisioterapi; dan b) Mempunyai pengalaman kerja minimum selama tiga (3) tahun.	Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)/ Pegawai Pemulihan Fisioterapi	12
33.	Siasatan dan Pendakwaan Undang-Undang Kesihatan		√	Tiada syarat khas.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
<b>POS BASIK</b>						
34.	Kejururawatan Kesihatan Awam	√	√	a) Mempunyai Sijil Kebidanan Bahagian I/Diploma Lanjutan Kebidanan; dan b) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang tersebut.	Jururawat	12
35.	Penjagaan Oftalmologi	√	√	a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan atau yang sedang bertugas di unit berkaitan; b) Membantu sekurang-kurangnya sepuluh (10) prosedur <i>Phacoemulsification</i> (yang disahkan melalui <i>log book</i> ); dan c) memiliki sijil <i>e-Diabetic Retinopathy Screening</i> .	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
36.	Perawatan Rehabilitasi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang yang berkaitan di Unit Rehabilitasi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
37.	Perawatan Peri-Anestesia	√	√	Keutamaan kepada <i>Anaesthetic Assistants</i> di <i>Operation Theater</i> dan juga Penolong Pegawai Perubatan di Unit Rawatan Rapi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
38.	Perawatan Gastrointestinal Endoskopi	√	√	a) Pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang berkaitan dengan penjagaan gastroenterologi; dan b) Memiliki Sijil <i>Basic Life Support</i> yang masih sah.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
39.	Kaunseling HIV/AIDS	√	√	Tiada syarat khas.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
40.	Perubatan Forensik		√	Tiada syarat khas.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
41.	Perubatan Sukan	√		Tiada syarat khas.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan/ Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	6
42.	Prostetik Maksilofasial		√	a) Berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Juruteknologi Pergigian; b) Keutamaan kepada calon yang sedang berkhidmat di klinik pakar dan akan ditempatkan di klinik pakar berkenaan selepas tamat latihan; dan c) Permohonan perlu disokong oleh Pakar Maksilofasial dan diluluskan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian).	Juruteknologi Pergigian	6
43.	Pergigian Pediatrik	√		a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Juruterapi Pergigian; b) Keutamaan kepada calon yang sedang berkhidmat di klinik pakar dan akan ditempatkan di klinik pakar berkenaan selepas tamat latihan;	Juruterapi Pergigian	6

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
				c) Permohonan perlu disokong oleh Pakar Pergigian Pediatrik dan diluluskan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian); dan d) Calon gred U29 hingga U32 sahaja yang layak memohon.		
44.	Orthodontik Teknologi Pergigian	√		a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Juruteknologi Pergigian; b) Keutamaan kepada calon yang sedang berkhidmat di klinik pakar dan akan ditempatkan di klinik pakar berkenaan selepas tamat latihan; dan c) Permohonan perlu disokong oleh Pakar Orthodontik dan diluluskan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian).	Juruteknologi Pergigian	6
45.	Sediaan Farmaseutikal Steril	√		a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Penolong Pegawai Farmasi; dan b) Pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan di Unit <i>Parenteral Nutrition</i> , <i>IV Admixture</i> dan <i>Cytotoxic Drug Reconstitution</i> .	Penolong Pegawai Farmasi	6
46.	Penjagaan Reumatologi (Ditawarkan 2 tahun sekali)		√	Tiada syarat khas.	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan	6

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
47.	Penjagaan Dermatologi (Ditawarkan 2 tahun sekali)		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan dermatologi.	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan	6
48.	Pengurusan Penjagaan Luka	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang yang berkaitan dengan Penjagaan Luka. Keutamaan kepada pegawai yang bertugas dalam Pasukan Penjagaan Luka di hospital.	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan	6
49.	Perawatan Nefrologi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di Jabatan Nefrologi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
50.	Penjagaan Stoma dan <i>Continence</i>	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan Stoma dan <i>Continence</i> .	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6

## LAMPIRAN C

### JENIS-JENIS PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN DENGAN JAYA

- a) Pemegang Biasiswa dalam perkhidmatan yang gagal menamatkan pengajian dengan jaya adalah tertakluk kepada penalti seperti yang terkandung di dalam PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan 'Tindakan Penalti kepada Penerima Kemudahan Cuti Belajar dengan Biasiswa' yang dikeluarkan oleh JPA dan Garis Panduan Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam Perkhidmatan dan Penerima Kemudahan Cuti Belajar yang Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian yang dikeluarkan oleh KKM.
- b) Pegawai akan dikenakan penalti seperti yang ditetapkan berdasarkan kes-kes berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kes</b>	<b>Garis Panduan Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam Perkhidmatan dan Penerima Kemudahan Cuti Belajar yang Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian</b>	<b>PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan 'Tindakan Penalti kepada Penerima Kemudahan Cuti Belajar dengan Biasiswa'</b>
1.	Gagal pengajian kerana tidak mencapai markah lulus/ syarat siswazah/ tahap kompetensi yang ditetapkan oleh universiti/ kolej/ institusi/ Jawatan kuasa Panel Induk	Kos Sebenar	a) tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar bergaji penuh sehingga pegawai menyelesaikan keseluruhan ganti rugi dan menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan berkhidmat sepertimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian yang

Bil.	Kes	Garis Panduan Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam Perkhidmatan dan Penerima Kemudahan Cuti Belajar yang Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian	PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan 'Tindakan Penalti kepada Penerima Kemudahan Cuti Belajar dengan Biasiswa'
			<p>berkuat kuasa ke atasnya; dan Tidak layak ditawarkan Biasiswa dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan</p> <p>b) Tidak layak ditawarkan Biasiswa dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.</p>
2.	Gagal menamatkan pengajian dalam tempoh penajaan dan termasuk apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Kerajaan	Kos Sebenar	<p>a) tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar bergaji penuh sehingga pegawai menyelesaikan keseluruhan ganti rugi dan menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan berkhidmat sepertimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian yang berkuat kuasa ke atasnya; dan</p> <p>b) Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan.</p>

Bil.	Kes	Garis Panduan Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam Perkhidmatan dan Penerima Kemudahan Cuti Belajar yang Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian	PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan 'Tindakan Penalti kepada Penerima Kemudahan Cuti Belajar dengan Biasiswa'
3.	Menarik diri atau meninggalkan pengajian sebelum sempurnanya pengajian tersebut	Kos Sebenar	<p>a) Tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar sehingga pegawai menyelesaikan keseluruhan ganti rugi dan menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan berkhidmat sepertimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian yang berkuat kuasa ke atasnya. Kemudahan cuti belajar yang seterusnya adalah terhad kepada institusi awam dalam negara sahaja; dan</p> <p>b) Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan.</p>
4.	Menarik diri dalam tempoh kurang enam (6) bulan dari tarikh memulakan pengajian.	<p>a) Penalti berjumlah RM15,000.00 sekiranya elaun/yuran telah dibayar oleh KKM; atau</p> <p>b) Penalti berjumlah RM10,000.00 sekiranya elaun/yuran belum dibayar oleh KKM</p>	a) Tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar sehingga pegawai menyelesaikan keseluruhan ganti rugi dan menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan berkhidmat sepertimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian yang berkuat kuasa ke

Bil.	Kes	Garis Panduan Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam Perkhidmatan dan Penerima Kemudahan Cuti Belajar yang Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian	PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan 'Tindakan Penalti kepada Penerima Kemudahan Cuti Belajar dengan Biasiswa'
			<p>atasnya. Kemudahan cuti belajar yang seterusnya adalah terhad kepada institusi awam dalam negara sahaja; dan</p> <p>b) Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan.</p>
5.	Ditamatkan pengajian kerana melakukan perbuatan salah laku yang melanggar peraturan tatatertib/ undang-undang atau peraturan oleh universiti / kolej / institusi/ Jawatankuasa Panel Induk/ Kerajaan	Nilai Kontrak	<p>a) Tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar sepanjang tempoh perkhidmatan; dan</p> <p>b) Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan.</p>
6.	Meletakkan jawatan dalam tempoh baki ikatan kontrak berkhidmat kurang daripada dua (2) tahun	<p>Tuntutan penalti secara pro rata:</p> <p>a) Meletakkan jawatan dalam tempoh baki ikatan kontrak berkhidmat kurang daripada satu (1) tahun: Penalti 25% dari nilai kontrak.</p>	Tidak Berkaitan

Bil.	Kes	Garis Panduan Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam Perkhidmatan dan Penerima Kemudahan Cuti Belajar yang Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian	PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan 'Tindakan Penalti kepada Penerima Kemudahan Cuti Belajar dengan Biasiswa'
		b) Meletakkan jawatan dalam tempoh baki ikatan kontrak berkhidmat kurang daripada dua (2) tahun: Penalti 30% dari nilai kontrak.	
7.	Meletakkan jawatan dalam tempoh ikatan kontrak selain dari tempoh yang dinyatakan seperti di perkara 6	Nilai Kontrak	Tidak Berkaitan
8.	Masalah Kesihatan	Tiada tuntutan penalti	<p>Pengecualian tuntutan ganti rugi boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang tidak berupaya menamatkan kursus dengan jaya dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan oleh penyakit kronik yang dialami oleh pegawai semasa dalam tempoh cuti belajar, atas permohonan pegawai, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang berikut:</p> <p>a) telah mendapat perakuan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan pengesahan oleh Pakar Perubatan Kerajaan bahawa</p>

Bil.	Kes	Garis Panduan Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam Perkhidmatan dan Penerima Kemudahan Cuti Belajar yang Melanggar Syarat-Syarat Perjanjian	PPSM Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa dalam Perkhidmatan 'Tindakan Penalti kepada Penerima Kemudahan Cuti Belajar dengan Biasiswa'
			<p>pegawai menghidap penyakit kronik; dan</p> <p>b) pegawai telah diberi peluang menangguhkan kursus kerana cuti sakit bergaji penuh maksimum 24 bulan menurut Perintah Am 31 Bab C (Cuti) Tahun 1974.</p> <p>Pegawai yang pernah diberikan pengecualian ganti rugi disebabkan oleh penyakit kronik yang dialami semasa mengikuti kursus terdahulu layak memohon kemudahan cuti belajar setelah menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan berkhidmat dan setelah mendapat perakuan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan pengesahan oleh Pakar Perubatan Kerajaan bahawa pegawai telah sihat sepenuhnya dan berupaya mengikuti kursus.</p>